

Beri peluang muka baru bertanding

UM 16 OCT 2003

KUALA LUMPUR 15 Okt. — Tiga pemimpin Barisan Nasional (BN) negeri hari ini meminta tokoh-tokoh veteran dalam parti itu mendengar nasihat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya berundur dan memberi laluan kepada muka-muka baru.

Mereka berkata, nasihat Perdana Menteri itu perlu dipatuhi oleh tokoh-tokoh berkenaan demi kebaikan dan kepentingan parti.

DI MELAKA, Pengerusi BN negeri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam berkata, Perdana Menteri ikhlas membuat kenyataan itu dan nasihat itu wajar dipertimbangkan oleh mana-mana ahli veteran parti.

“Dr. Mahathir membuat nasihat itu secara ikhlas, bukan sahaja kepada UM-NO malah semua ahli-ahli veteran BN. Sudah tiba masanya, ahli-ahli veteran parti mengundur diri dan memberi laluan kepada muka-muka baru yang menawarkan diri mereka untuk bertanding pada pilihan raya akan datang,” katanya.

DI PULAU PINANG, Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Tsu Koon yakin nasihat Dr. Mahathir itu bukan bermaksud mereka perlu berbuat demikian serta-merta.

Sebaliknya kata beliau, pengunduran mereka seharusnya dibuat pada waktu yang sesuai dan bukan tergesa-gesa.

Katanya, ia boleh dilakukan apabila tiba masanya untuk melepaskan jawatan yang disandang bagi memberi laluan kepada muka baru.

“Saya menyambut baik nasihat itu dan percaya ia dibuat secara umum, bukannya ditujukan kepada sesiapa. Saya yakin

nasihat itu bukan perlu dipatuhi serta merta sebaliknya dibuat pada waktu yang sesuai,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas membentangkan Bajet Pembangunan Rang Undang-Undang Perbekalan 2004 pada Sidang Dewan Undangan Negeri hari ini.

Tsu Koon memberi contoh bagaimana Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Kheng Yaik yang berhasrat bersara daripada jawatan itu dua tahun lalu tetapi tidak meneruskannya kerana menghormati permintaan ahli parti yang mahu beliau terus berkhidmat.

Katanya, Gerakan merasakan belum tiba masanya untuk Kheng Yaik bersara kerana beliau masih berkemampuan, kuat dan umurnya sebaya dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan mengambil alih kepimpinan negara hujung bulan ini.

Katanya: “Secara peribadi saya juga mahu dia (Kheng Yaik) terus memimpin parti. Namun, bukan sekarang atau masa terdekat ini untuknya meletak jawatan.”

DI KOTA KINABALU, BN Sabah akan mengambil kira nasihat Dr. Mahathir dalam memilih calon bagi bertanding dalam pilihan raya umum akan datang.

Pengerusinya, Datuk Seri Musa Aman berkata, bagaimanapun masih banyak lagi kriteria yang akan diambil kira untuk memilih calon pada pilihan raya akan datang.

“Bagi saya, apa pun kita akan ambil kira...bukan dari segi lama berkhidmat atau umur tua sahaja, banyak lagi yang akan diambil kira sebagai memilih calon

yang akan datang,” katanya yang juga Ketua Menteri.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sebelum berlepas ke ibu negara untuk menghadiri Sidang Kemuncak ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya, esok.

Musa berkata, memang terdapat keberanian dalam pandangan Dr. Mahathir itu kerana jika terlalu lama menjadi wakil rakyat atau pemimpin maka perlulah memberi peluang kepada golongan muda menggantikan dan itu adalah perkara biasa.

DI TANGKAK, Pengerusi BN Johor, Datuk Abdul Ghani Othman menyifatkan nasihat Dr. Mahathir itu adalah satu saranan tepat.

Beliau sependapat dengan Perdana Menteri bahawa pengunduran veteran yang berkenaan akan memberi peluang kepada muka baru yang mempunyai bakat memikul tanggungjawab meneruskan agenda membangunkan negara.

“Eloklah di kalangan mereka yang sudah lama dan sudah memberikan sumbangan kepada negara mengambil nasihat Perdana Menteri.

“Saya percaya ada bakat-bakat baru lebih mampu untuk memikul peranan membangunkan bangsa dan negara,” katanya kepada pemberita selepas mempergunakan mesyuarat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di Resort Taman Lagenda Gunung Ledang di Sagil hari ini.